

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(A)36

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB. MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

36. Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) ialah antara golongan yang terjejas teruk disebabkan isu COVID-19.
- (a) Apakah bantuan Kerajaan Negeri sediakan kepada majikan dalam usaha untuk mengurangkan pembuangan pekerja oleh syarikat mereka?
 - (b) Apakah bantuan yang diberikan kepada mereka yang terpaksa dibuang kerja?

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

36. (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengumumkan pakej bantuan Rakyat Pulau Pinang dengan dana berjumlah RM75 juta yang turut dinikmati oleh syarikat-syarikat khususnya syarikat usahawan mikro dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19.

Bantuan-bantuan berkaitan yang secara langsung dapat dimanfaatkan oleh syarikat usahawan mikro dan

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) adalah seperti berikut :-

- (i) Menyediakan Skim Peka PKS melalui PDC, iaitu satu skim pinjaman tanpa faedah dengan jumlah peruntukan sebanyak RM30 juta daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Ia diwujudkan di bawah pakej rangsangan ekonomi negeri Pulau Pinang pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bertujuan menyediakan pinjaman modal pusingan secara cepat kepada IKS dan PKS yang terjejas teruk akibat PKP bagi memastikan kelangsungan perniagaan selepas tempoh kesukaran ini;
- (ii) Penangguhan tempoh pembayaran cukai petak atau cukai tanah daripada 31 Mei 2020 kepada 30 Ogos 2020; dan
- (iii) Penangguhan tempoh pembayaran balik pinjaman Skim Pinjaman Harapan dan Tabung Usahawan Tani selama tiga bulan.

- (b) Kerajaan Persekutuan melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah melaksanakan Program Pengekalan Pekerjaan (ERP) yang diperkenalkan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi 2020. ERP yang dilaksanakan melalui Sistem Insuran Pekerjaan (SIP) akan bertindak sebagai bantuan kepada pekerja yang kehilangan pekerjaan. Melalui SIP pekerja terbabit akan diberikan bantuan kewangan segera bagi menampung kehidupan sementara mereka mencari pekerjaan baharu.